

31/01/1998

10,000 lawat Sri Perdana

KUALA LUMPUR, Jumaat - Hampir 10,000 orang termasuk rakyat asing yang datang ke Sri Perdana bukan sahaja mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, bahkan untuk menyatakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri dan kerajaan.

Dr Mahathir melahirkan rasa terharu dengan kehadiran serta sokongan orang ramai kepada beliau dan kerajaan.

"Saya berasa terharu kerana banyak yang datang hari ini selain daripada mengucapkan Selamat Hari Raya juga menyatakan bahawa mereka menyokong, berdiri di belakang, macam-macam.

"Kenyataan sokongan mereka ini ... sebenarnya kepada kepemimpinan negara," katanya kepada wartawan.

Sementara kebanyakan tetamu tiba dengan kereta di kediaman rasmi Perdana Menteri bagi majlis rumah terbuka Hari Raya, ramai warga asing kebanyakannya pelancong datang dengan bas dalam bilangan yang ramai.

Ada yang menunggu dari jam 7.30 pagi untuk bertemu Dr Mahathir dan Siti Hasmah.

Antara yang datang awal untuk mengucapkan selamat Hari Raya ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan rakyat asing yang melawat beliau adalah dari Australia, Singapura dan negara Asia Barat.

"Ada yang datang khas dari Australia dan Singapura," katanya.

Beberapa Menteri Kabinet, Timbalan Menteri dan pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan juga pegawai-pegawai kanan kerajaan turut hadir di rumah terbuka Perdana Menteri.

(END)